

03/03/2002

Di Antartika aisberg hanyut bagai hantu gergasi putih!

SAYA bermimpi menjadi itu dan ini, tetapi tidak pernah terlintas langsung dalam minda dan angan-angan untuk bertandang ke benua ais, Antartika, di buntut alam, mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama sembilan hari (5-13 Februari lalu), satu kunjungan yang amat bersejarah dalam tawarikh bangsa Melayu.

Penganjur Ekspedisi Malaysia 2002 ke benua ais terbesar, terdingin, tergelap, terterang, tersunyi, tercantik, tergerun dan berpotensi itu, mengarahkan semua 62 pengembara bersejarah itu berkampung di Ushuaia, sebuah bandar terhujung bumi di Patagonia, Argentina yang memisahkan tanah dan lautan, petang Februari itu.

Kalau tidak mereka akan tertinggal kapal!

Persoalan sekarang ramai yang tertanya siapakah 62 pengembara yang bernasib baik itu, bukan lagi kenapa Perdana Menteri, pada usia 76 tahun, membuat penjelajahan ke Kutub Selatan atau Benua Antartika. Kalau mahu tahu, baca Berita Minggu, 10 Mac ini. Senarai penuh peserta dan semuka penuh gambar-gambar eksklusif oleh jurugambar VIP serta fikiran dan perasaan saya tentang sebahagian alam yang hanya baru diterokai semenjak tahun 1773 sahaja dan terpenting pendapat saya berkenaan beberapa orang pengembara VIP dan VVIP.

Pengembara tertua ialah Dr Mahathir dan termuda tujuh tahun. Siapakah dia? Lulus atau gagalkah anak ini sebagai pengembara? Ramai manusia termasuk yang terpelajar ingat Antartika hanya dihuni oleh penguin, burung-burung, seal (anjing laut), ikan, whales (mamalia yang sangat besar) dan kehidupan liar lain. Mereka amat tersalah!

Antartika luasnya campuran luas Amerika Syarikat dan lebar Mexico tidak ditadbir oleh mana-mana negara; ia di bawah international governance atau pentadbiran antarabangsa yang tidak formal.

Pada tahun 1982, dalam ucapan pertamanya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Dr Mahathir mencadangkan dan diterima oleh Persidangan Agung PBB, bahawa Benua Antartika hendaklah dipunyai dan dimanfaatkan oleh bangsa manusia (mankind). Akibatnya tuntutan ke atas Antartika oleh Argentina, Britain, New Zealand, Australia, Perancis, Chile dan Norway, tidak diiktiraf oleh semua negara lain termasuk kita; tuntutan mereka tidak aktif lagi.

Antartika kaya dengan hasil bumi dan alam yang belum diterokai. Walaupun benua ais (atau putih) ini tiada penduduk asli, terdapat seramai 80 orang keturunan Chile yang tinggal di Pulau King George sebagai penduduk tetap.

Selain mereka, terdapat saintis yang membuat kajian di 40 pusat kajian yang tetap dan 100 stesen kajian sementara berselerak di segala penjuru Benua Antartika. Bahkan terdapat sebuah hotel 80 bilik di Pulau King George itu.

Saya terbang dari New York ke Ushuaia (14 jam) bersama Datuk Seri Syed Hamid Albar dan isterinya, Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin serta pegawai tinggi Wisma Putra. Fauzah, isteri saya menunggu di Ushuaia setelah terbang dari Kuala Lumpur ke Frankfurt dan ke Ushuaia (hampir 24 jam dan bermalam di Frankfurt). Semua termasuk Datuk Seri Najib Tun Razak dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, berkampung di atas kapal Kapitan Dranitsyn berat 10,047 tan, sebuah hotel terapung lapan tingkat, sembilan jika dikira bridge (lantai kemudi); bertaraf dua bintang, menunggu ketibaan Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan rombongannya tiba waktu subuh hari Rabu (6 Februari) dari New York.

Selepas subuh, sarapan pagi dan taklimat mandatori tentang keselamatan, kami belayar menuju ke Lautan Selatan, perairan Benua Antartika. Setelah dua malam baru kami sampai ke destinasi dan tiga hari bagi menjelajah Antartika dan dua hari belayar pulang ke Ushuaia.

Di atas kapal petang Selasa (5 Februari), saya dan Fauzah terserempak Najib dan Rosmah apabila kami menuju dewan makan. Kami bertegur sapa dan bersalaman. Najib dan Rosmah tinggal di kamar suite tingkat enam dan saya dan isteri di Kabin tingkat tujuh (nombor Kabin 7-11). Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah di Kamar Suite tingkat enam berjiran dengan Najib dan Rosmah. Najib kata, dia boleh ambil gambar dan saya tulis. Jelas, Najib seorang jurugambar yang baik, lebih baik daripada separuh profesional yang saya kenal! Kebanyakan gambar yang disiarkan ini diambilnya dengan Rosmah, satu oleh Mohamed Elias Abu Bakar. Dr Mahathir antara jurufoto yang aktif baik VVIP atau orang biasa merakamkan ekspedisi bersejarah ini - keindahan dan keunikan alam ais melalui video dan filem.

Dalam pelayaran di Lautan Antartika, melihat dalam kesunyian, jisim ais (aisberg) amat besar hanyut dalam laut, seolah hantu berjubah putih dan adakalanya seolah-olah diselimuti kain biru-hitam. Saya kagum bercampur takut, dipalu oleh ombak kuat, 20 kaki tinggi, angin terlaju, kedinginan, kapal bergolek 43 darjah; dikelilingi ais, maka saya teringat kepada sajak Coleridge:

The ice was here,
the ice was there,
the ice was all round.
It cracked and growled
and roared and howled
like noises of a swound.

Saya telah dijemput ke Antartika atas nama peribadi bukan sebagai Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar New Straits Times; saya tidak perlu menulis tetapi terdorong mencatatnya bagi keturunan akan datang. Kalau kita orang Barat atau orang Argentina dan Chile tidak hairan kita ke Antartika, tetapi kita orang Malaysia dari dunia tropika, amat berlawanan dengan wilayah temperate (sejuk).

Agak menghairankan, tetapi seperti ditegaskan oleh Dr Mahathir, kehadiran orang Melayu dan Islam di Antartika memang perlu kerana penyelidikan, menimba ilmu dan bagi menempah dan `mereservekan' suara dan penyertaan kita dalam pentadbiran dan management kekayaan dan potensi Antartika. Dr Mahathir telah berkata Malaysia akan membuka stesen penyelidikan kita sendiri dan kita juga akan menandatangani Perjanjian Antartika (yang berkuatkuasa 1961) bagi memenuhi syarat penubuhan pusat penyelidikan itu. Kini kita menumpang di Pusat Penyelidikan Australia dan New Zealand.

Pelayaran sembilan hari itu bukan sahaja amat bersejarah bagi bangsa - Malaysia juga negara Islam pertama yang akan mengadakan pusat penyelidikan bagi menimba ilmu yang dituntut atas kita oleh Nabi Muhammad s.a.w dan Dr Mahathir ketua kerajaan Islam pertama menjejakkan kaki di bumi ais teragung itu.

Ia juga satu pengalaman yang teruk, meletihkan dan cubaan bagi majoriti 60 pengembara itu (satu kelamin kerana isterinya jatuh sakit di Ushuaia dan masuk hospital, tidak turut belayar) tetapi bagi Dr Mahathir dan beberapa orang VVIP dan VIP, pengembaraan ini seolah-olah satu perkara kebiasaan sahaja! Mereka tidak mabuk laut seperti Fauzah dan Tan Sri Armugam dan ramai lagi.

Waktu senja musim panas di Antartika, iaitu masa Ekspedisi Malaysia ke Antartika 2002, saya dapati melalui pemerhatian, aisberg yang retak hanyut juga bagai bunga lillies (bunga telipuk), yang sangat besar dalam kolam yang airnya biru!

* All pix by Datuk Seri Najib Tun Razak; isteri Datin Seri Rosmah Mansor;
Mohamed Elias Abu Bakar.

* Bersambung Minggu Depan: Siapa-siapa dalam Ekspedisi Malaysia ke
Antartika 2002 dan komen saya tentang individu.
dkl@nstp.com.my

(END)